



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (MALAYSIAN PALM OIL BOARD)

NOTIS PELAWAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa dari syarikat - syarikat yang berpengalaman dan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** bagi perkara berikut :-

NO & TAJUK SEBUT HARGA	TARIKH, MASA DAN TEMPAT PENGAMBILAN DOKUMEN	SYARAT PENDAFTARAN	PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI
MPOB(SH/P/EID)01/2024 KERJA-KERJA MENYELENGGARA, MEMARAS DAN MEMADATKAN JALAN-JALAN PERTANIAN SEPANJANG 30,000 METER SERTA LAIN- LAIN KERJA YANG BERKAITAN DI LADANG STESEN PENYELIDIKAN MPOB BAGAN DATUK, PERAK	Tarikh Pengambilan Dokumen Sebut Harga: 17 April 2024 (Rabu) Selepas Sesi Taklimat Masa: 10.00 pagi Tempat: STESEN PENYELIDIKAN MPOB BAGAN DATUK, PERAK	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang: 222104 Pertanian/Tanaman/Ladang/ Taman/Hutan Dan Ladang Hutan; dan Sijil Pendaftaran Bumiputera (jika ada); dan Sijil Pematuhan Cukai (<i>Tax Compliance Certificate</i>)	1.Mengenai Syarat- Syarat Dan Spesifikasi Sebut Harga Pegawai Bertanggungjawab : Mohd Suhail Anwar Abdullah (019-652 2134) En. Azman Bin Ismail (603-7802 2876) 2.Mengenai Syarat- Syarat Am Sebut Harga Pegawai Bertanggungjawab : En. Muhammad Nazari Satiman (603-7802 2903)

1. **Dokumen sebut harga** diberi secara **percuma kepada syarikat – syarikat yang berminat menyertai dan berkelayakan** pada **17 April 2024 (Rabu)** pada hari bekerja dan waktu pejabat dari jam 10.00 pagi hingga selesai taklimat di alamat seperti jadual di atas.
2. Hanya **pemilik syarikat** (Penama dalam Sijil Pendaftaran MOF/SSM) atau **wakil syarikat yang diberi kuasa** sahaja dibenarkan untuk mengambil dan menandatangani dokumen sebut harga. Wakil syarikat yang mengambil dan menandatangani dokumen sebut harga hendaklah melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat.
3. Salinan sijil seperti jadual di atas dan salinan **Sijil Pendaftaran Bumiputera** yang masih sah tempoh hendaklah dikemukakan semasa mengambil dokumen sebut harga. Sesalinan sijil yang berkenaan hendaklah diserahkan kepada MPOB untuk simpanan.
4. Penyebut harga boleh menghubungi Pegawai Bertanggungjawab sepertimana dijadual di atas untuk mengetahui lebih lanjut perihal sebut harga ini.
5. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dimeteri serta ditulis nombor dan tajuk sebut harga di sudut atas sebelah kiri sampul. Dokumen sebut harga tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada atau sebelum tarikh dan masa tutup sebut harga di alamat: **Peti Tender/Sebut Harga, Kaunter Kewangan, Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Ibu Pejabat MPOB, No. 6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor.**
6. Tarikh dan masa tutup sebut harga adalah **pada 25 April 2024 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang **lewat** diterima dari tarikh dan masa tutup yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Keutamaan dan kelebihan diberikan kepada syarikat-syarikat yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.